

**JURANG KEKAYAAN MALAYSIA
MENJELANG 2022**

**MOHD AZLAN ABDUL MAJID
AFIZAN AMER**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN
PERNIAGAAN**

**UITM CAWANGAN NEGERI
SEMBILAN, KAMPUS REMBAU**

Jurang kekayaan. Perkataan yang ringkas tetapi memberi maksud yang mendalam. Sejak bermula peradaban dunia akan wujud golongan yang mampu dan wujud juga golongan yang ketinggalan. Dalam tamadun islam telah wujud golongan merdeka dan wujud golongan asnaf. Sudah tentu golongan merdeka perlu untuk membayar zakat dan wang ini perlu untuk membantu golongan yang memerlukan. Pengagihan pendapatan ini berlaku sehingga sekarang. Itu sebabnya kita membayar cukai dan sumber ini diagihkan kembali kepada golongan yang memerlukan menerusi pelbagai insentif seperti Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan sebagainya.

Berbicara tentang tahun 2020, kita digemparkan dengan kewujudan gen virus COVID-19. Dunia tidak pernah menghadapi kejutan seperti ini. Tahun 2021, berita baik dimana vaksin iaitu langkah pencegahan mula disuntik diserata dunia termasuk di Malaysia. Pada 2022 pula dijangkakan proses pemulihan ekonomi dan kesihatan akan berlaku dimana mungkin kita akan mencapai imuniti kelompok pada ketika itu. Persoalannya, bagaimana keadaan pemulihan pada ketika itu? Adakah golongan ketinggalan dapat meneruskan kehidupan tanpa ketinggalan dan ketidakkaciran berlaku?

Mengikut data sebelum ini Malaysia mencatat pertumbuhan -5.6 % pada tahun 2020. Angka ini tidak begitu teruk berbanding dengan negara jiran kita seperti Filipina yang mencatat -9.5%. Ada juga negara mencatat pertumbuhan

-52.3% oleh negeri Macau, dan ada juga negara bertumbuh seperti China iaitu 2.3%. Data makroekonomi menunjukkan keadaan di Malaysia tidak berapa teruk dan tidak berapa baik juga. Ini disebabkan enjin ekonomi yang terjejas teruk dibantu oleh sektor fiskal dan monetari yang aktif. Contohnya banyak bantuan daripada sektor kerajaan seperti Prihatin, Permai dan Pemeraksa. Manakala monetari polisi juga aktif memberi bantuan daripada moratorium, penurunan kadar mata asas semalaman sehingga 1.75% dan sebagainya. Serta langkah kritikal negara dalam pelan My Digital juga dilaksanakan di seluruh Malaysia. Tetapi adakah jurang golongan berkemampuan dan tidak akan dapat dikurangkan?

Seantero telah memahami, betapa pentingnya teknologi. Untuk menjadi sebuah negara yang maju, kemajuan itu datang daripada ketamadunan dan cara berfikir masyarakat yang bijaksana. Bukan bila pihak berkuasa mengatakan, okey kita telah maju jadi kita mengambil bulat-bulat kita dah sampai negara maju. Persoalan yang lebih jelas, adakah kita maju? Adakah kita punyai sumber kewangan yang stabil iaitu tidak berkerja selama 3 tahun pun kita masih mampu menyara keluarga? Adakah kita mempunyai aset dan pelaburan yang cukup banyak dan jika kita diberhentikan kerja pun kita masih mampu untuk hidup? Adakah kita mampu untuk melancong ke luar negara selepas COVID-19 ini? Begitu banyak persoalan.

Pokoknya, guna tenaga di Malaysia adalah lebih kurang 16 juta orang penduduk. Mengikut kajian yang dijalankan oleh badan penyelidikan Khazanah, jelas menunjukkan hanya 1 juta orang sahaja yang tidak tejejas manakala selebihnya terkesan walaupun sedikit. Ini menunjukkan jurang kekayaan negara Malaysia akan semakin meluas. Ini terjadi disebabkan golongan yang tidak terjejas ini akan menggunakan peluang untuk menambah aset dan pelaburan, manakala golongan yang terjejas semakin terhimpit. Jurang digital menyebabkan jurang kekayaan semakin meluas. Ini disebabkan sesiapa yang menguasai digital, akan memperoleh peluang

dan ruang untuk berjaya dan maju. Di negara Singapura, jelas menunjukkan mereka telah membincangkan bagaimana kesan digital kepada pekerjaan kolar putih yakni golongan yang mempunyai kemahiran dan berkelulusan. Bagaimanakah perbualan di negara kita? Masih membincangkan di kedai kopi, persoalan politik? Adakah ini kemajuan?

Secara harfiahnya, Malaysia bukanlah negara gagal. Kita telah mencapai status negara pertengahan sejak tahun 1979 lagi. Boleh kita lihat Malaysia telah mencapai tahap perangkap negara pertengahan. Ini disebabkan kelajuan kita untuk mencapai negara maju tidak sampai untuk dikategorikan sebagai negara maju. Selang 4,5 tahun, Bank Dunia akan menaikkan garis status negara maju yang lebih tinggi (disebabkan inflasi). Kajian Bank Dunia menyatakan Malaysia sudah hampir ke garisan penamat (status negara maju) tetapi kita “berjoging” bukannya nak berlari. Apakah sebabnya? Tentulah dasar negara kita terdahulu yang terlalu mementingkan intensif buruh. Tanpa inovasi, sukar untuk negara maju dan memberi kesan limpahan kepada rakyat. Kemajuan perlu datang dari produktiviti nilai tambah dan tentulah program seperti MYDigital yang dilancarkan oleh kerajaan baru-baru ini sangat penting. Dengan revolusi industri 4.0 serta kemajuan internet 5G menjadi mungkin kepada industri baru. Menjadi peluang dan ruang kepada sebahagian golongan masyarakat tetapi menjadi ancaman juga kepada golongan rentan.

Persoalan terakhir bagi penulis adalah berbicara terhadap jurang digital akan meluaskan lagi kekayaan negara Malaysia. Boleh kita lihat, betapa jauhnya persiapan kita. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan penutupan sekolah, dan sekolah terpaksa dibuka secara online menjelang permulaan Januari 2021. Kita dapat, betapa kelam kabutnya ibu bapa, guru dan masyarakat secara amnya. Dapat dilihat pengajaran dan pembelajaran di rumah lagi meluaskan jurang golongan yang mampu dan golongan tidak mampu. Golongan yang mampu, mudah untuk memberikan akses kepada anak anak mereka,

tetapi bagaimana pula golongan yang kurang mampu? Di bandar pula akses lebih baik, bagaimana pula di pedalaman. Pendek kata, jika ada golongan yang ketinggalan, ia bukan memberi kesan kepada golongan itu sahaja, tetapi ia memberi kepada golongan yang mampu juga. Contohnya, ada sekolah di semi bandar, 80% masyarakat tidak mampu manakala 20% daripada masyarakat mampu untuk menyediakan kemudahan PdPR kepada anak-anak mereka. Tetapi bila pihak guru ingin menjalankan PdPR tentulah para guru akan pening kepala. Bagaimanakah tidak, ada yang mahukan online, ada juga mahukan lebaran kerja secara offline.

Disebabkan “majoriti” mahukan pendekatan bukan online, maka golongan yang mampu juga terpaksa mengikut golongan yang tidak mampu tersebut. Dan jika para guru membuat pendekatan berbeza, akan mendatangkan “double standard” pula. Oleh hal demikian, daripada contoh tersebut, jelas dapat ditunjukkan. Jurang digital akan mendatangkan jurang kekayaan dan jurang pendidikan. Jika majoriti rakyat tidak bersiapsiaga untuk menempuhi cabaran ini, bukan sahaja golongan rentan, tetapi golongan yang mampu juga akan terjejas sekali. Bertapa pentingnya kita perlu mereformasi untuk mengurangkan jurang pendidikan, digital dan kekayaan terutama di Malaysia.